

29/04/1997

Nelayan minta batal penempatan

Abdullah Abdul Rahman

KUALA KEDAH, Isnin - Seramai 600 nelayan dari lima kampung di sini, yang terbabit dalam rancangan penempatan semula, menyerahkan surat rayuan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Rayuan yang diserahkan ketika lawatan Dr Mahathir ke tapak penempatan itu 19 April lalu, meminta kerajaan membatalkan rancangan menempatkan mereka di rumah pangsa.

Sebaliknya, mereka meminta didirikan rumah berasingan dua tingkat diperbuat daripada papan dan separuh konkrit serta diserahkan kepada mereka secara percuma.

Lima kampung terbabit ialah Seberang Kota, Seberang Alor, Kampung Baru Hulu, Kampung Bakar Kapur dan Kampung Baru Hilir.

Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Baru Hilir, Abdul Wahab Ayub, berkata 600 nelayan terbabit dalam penempatan semula penduduk melalui projek pembangunan semula Kuala Kedah.

Menurutnya, kerajaan negeri mengubah cadangan asal membina rumah berasingan dua tingkat dengan pembinaan rumah pangsa yang akan dibangunkan oleh syarikat Ekran Bhd.

Abdul Wahab berkata, pihaknya mengemukakan rayuan kepada Perdana Menteri kerana rungutan penduduk telah diketepikan pihak berkuasa.

"Kami membantah cadangan kerajaan melaksanakan projek pembinaan empat blok rumah pangsa di kawasan penempatan khas bagi penduduk nelayan.

"Rumah pangsa setinggi lapan hingga 12 tingkat yang dicadangkan itu tidak sesuai untuk kediaman nelayan," katanya hari ini.

Beliau berkata, penduduk juga tidak rela tapak yang disediakan untuk pembinaan rumah dua tingkat itu diubah kepada rumah pangsa.

Abdul Wahab juga berkata, penduduk meminta ditempatkan di rumah biasa bagi membolehkan mereka mengubahsuai rumah untuk keperluan keluarga apabila pendapatan bertambah.

Ia juga membolehkan penduduk memiliki sebidang tanah secara sah menggantikan tapak yang bakal ditinggalkan, memberi peluang kepada suri rumah menambah pendapatan dengan membuat kerja sambilan dan penyelesaian kepada penduduk menjalankan kegiatan harian.

Kerajaan negeri mengubah cadangan asal untuk membina 2,112 unit rumah pangsa lapan hingga 12 tingkat membabitkan 25 blok. Kawasan itu akan dilengkapi balai polis, dewan orang ramai, tabika, masjid, lot kedai serta kawasan rekreasi.

(END)